



## **SIARAN MEDIA** *PRESS RELEASE*

### **PERSIDANGAN DIGITAL KEBANGSAAN 2014**

**Kuala Lumpur, 9 Oktober 2014** – Persidangan Digital Kebangsaan (NDC) adalah inisiatif peringkat kebangsaan yang memberi tumpuan kepada trend yang sedia ada dan masa hadapan dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam melalui penggunaan teknologi digital. Persidangan ini adalah sebagai platform yang menyokong kepada agenda Transformasi Kerajaan Digital dalam menambah momentum kepada inisiatif sedia ada di samping mewujudkan forum untuk berkongsi maklumat mengenai trend ICT di peringkat global.

Penganjuran kali ke-lima (5) persidangan ini memberi fokus kepada trend semasa dan terkini di dalam kerajaan elektronik bagi meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan melalui penggunaan teknologi digital. Persidangan yang telah dianjurkan secara tahunan sejak tahun 2009 ini, dikenali sebagai Persidangan ICT Kebangsaan (NICT) sebelum ditukar kepada Persidangan Digital Kebangsaan. Persidangan ini adalah kolaborasi strategik antara Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA), Multimedia Development Corporation (MDEC) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Pada tahun ini, buat julung kalinya NDC berkolaborasi dengan penganjur seminar antarabangsa iaitu FutureGov yang diadakan bersekali dengan

FutureGov Summit 2014 dan FutureGov Forum Malaysia yang berlangsung dari 8 hingga 9 Oktober 2014 di Kuala Lumpur Convention Centre, KLCC.

Persidangan tersebut dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara. Turut hadir YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan YBhg. Dato' Dr. Mazlan Yusoff, Pengarah INTAN. Objektif persidangan ini adalah untuk menggalakan perbincangan dua hala berkaitan isu dan trend semasa ICT. Penglibatan pembentang dari antarabangsa juga dapat memperluaskan perspektif mengenai pelaksanaan inisiatif kerajaan elektronik di peringkat global melalui perkongsian maklumat dan idea melalui pembentangan kajian kes. Antara tokoh penceramah antarabangsa yang terlibat ialah Mr. Jonas Rabinovitch daripada *United Nations Department of Economy & Social Affairs* (UNDESA), Mr Darren Scates daripada *Department of Communities and Local Government*, United Kingdom dan Ms Ina Corydon daripada *Municipality of Copenhagen*, Denmark.

Tema persidangan pada kali ini adalah '#InnovateMyGov' yang memberi fokus kepada inovasi secara berterusan ke arah penyampaian perkhidmatan Kerajaan yang berkesan melalui perkongsian maklumat dan kolaborasi pintar antara agensi awam dan swasta. Pemilihan tema ini adalah selaras dengan penekanan dan penumpuan kepada inovasi berterusan sejajar dengan inisiatif Kerajaan ke arah memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Melalui program Transformasi Kerajaan, pelbagai usaha telah dilaksanakan dalam meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan melalui aktiviti turun padang. Malah, Kerajaan juga telah menyediakan pelbagai perkhidmatan atas talian dalam mempelbagaikan lagi mod penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat melalui teknologi digital bagi memenuhi ekspektasi rakyat.

Antara pengisian persidangan selama dua hari tersebut adalah sesi panel eksekutif yang membincangkan mengenai *Big Data* dalam membawa perubahan kepada sistem penyampaian pekhidmatan kerajaan. Dua sesi panel membincangkan tajuk “Open Government” dan “Smart Government”; sesi planeri pula merangkumi tajuk-tajuk mengenai “Information Security-Protecting Government Data”, “Big Data”, “Global Findings and Trends on e-Government Survey” dan “Journey to e-Estonia – Delivering for Citizens”. Manakala, dalam sesi debat utama “BYOD versus BYON - Bring Your Own Device versus Bring Your Own Nothing” adalah berkaitan faktor yang memberi impak yang signifikan terhadap pelaksanaan BYOD di sesebuah organisasi.

Persidangan kali ini turut menampilkan format baru iaitu sesi ‘On-Floor’ *Content* yang terdiri daripada 3 trek iaitu “Citizen Engagement & Analytics / Education & Learning”, “Big Data & Government Cloud / Open Government” dan “Mobility & Apps / Security” yang melibatkan 53 sesi pembentang dari dalam dan luar negara.

Di samping itu, terdapat lebih 50 pempamer yang terdiri daripada rakan industri ICT dari dalam dan luar negara turut mempamerkan teknologi terkini serta cadangan penyelesaian yang ditawarkan oleh setiap daripadanya dalam pameran ICT yang diadakan bersama dengan FutureGov Summit 2014.

Adalah dianggarkan lebih kurang 600 orang peserta menyertai persidangan ini yang terdiri daripada Ketua-ketua Jabatan, CIO, Pengurus IT dan pengamal ICT dari sektor awam, swasta dan badan berkanun dari dalam dan luar negara. Persidangan ini memberi ruang dan peluang kepada para pembuat keputusan, pengurus serta pihak industri untuk mendapatkan pengetahuan semasa dan terkini dalam bidang ICT dan

seterusnya menjadi medan bagi menjalinkan hubungan kerjasama strategik bagi meningkatkan inovasi dan kreativiti di organisasi masing-masing.

**###**

Unit Korporat dan Antarabangsa  
Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Tel: 03 2084 7205  
Emel: [melinda@intanbk.intan.my](mailto:melinda@intanbk.intan.my)

**9 Oktober 2014**